

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1990/91

Mac/April 1991

YFP 206 - Asas-Asas Penerbitan Audio

Masa: [3 jam]

Jawab soalan 1 dan TIGA (3) soalan lain.

1. Rancangan berita dan rancangan majalah radio pada utamanya adalah bertujuan untuk memberi maklumat kepada pendengar. Huraikan apakah perbezaan cara-caranya di antara kedua-dua rancangan ini di dalam menyampaikan maklumat kepada pendengarnya. Jawapan anda harus menyentuh kepada pilihan bahan, penulisan dan penyampaian.

(25 markah)

2. Senaraikan apakah keadaan-keadaan "kecemasan" yang boleh timbul di dalam sesuatu sesi kontinuiti itu dan berikan juga apakah cara-cara bagaimana seorang juruhebah boleh menghadapinya. Anda boleh memberi contoh-contoh daripada pengalaman anda sekiranya ada dan terangkan juga adakah anda telah menghadapi keadaan tersebut dengan bijak.

(25 markah)

3. Apakah ciri-ciri utama di dalam menulis skrip penyampaian radio sama ada hebahan biasa untuk sesi kontinuiti atau hebahan pertalian untuk majalah radio?

(25 markah)

4. Di antara temuramah radio dan ceramah radio yang mana satukah akan menyampaikan maklumat dengan lebih berkesan? Huraikan perbezaan yang terdapat di antara dua format ini.

(25 markah)

...2/-

5. Apakah pada pendapat anda siaran radio masih mempunyai peranan yang penting di Malaysia semasa siaran TV sudah meluas? Apakah kehendak-kehendak penonton/pendengar yang boleh dipenuhi oleh radio yang tidak dapat dipenuhi oleh TV?

(25 markah)

6. Apakah ada keperluan untuk memperkenalkan radio swasta di Malaysia? Apakah cabaran-cabaran yang akan dihadapi oleh masyarakat dan kerajaan Malaysia sekiranya ini berlaku?

(25 markah)

-ooo0ooo-